

**PEMBANGUNAN MODUL ICTL BERASASKAN
PENDEKATAN PENGAJARAN LANGSUNG
DAN TEORI KONSTRUKTIVISME
UNTUK PELAJAR ORANG ASLI**

NURUL NISHA BINTI MUHAMMAD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012

PEMBANGUNAN MODUL ICTL BERASASKAN PENDEKATAN
PENGAJARAN LANGSUNG DAN TEORI KONSTRUKTIVISME UNTUK
PELAJAR ORANG ASLI

NURUL NISHA BINTI MUHAMMAD

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada¹¹ (hari bulan).....¹⁰ (bulan) 20¹³.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, NURUL NISHA BINTI MUHAMMAD, M20092001252, FSKIK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBANGUNAN MODUL ICTL BERASASKAN PENDEKATAN PENGAJARAN LANGSUNG DAN TEORI KONSTRUKTIVISME UNTUK PELAJAR ORANG ASLI

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PM DR NORHASBIAH BT UBAIDULLAH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBANGUNAN MODUL ICTL BERASASKAN PENDEKATAN PENGAJARAN LANGSUNG DAN TEORI KONSTRUKTIVISME UNTUK PELAJAR ORANG ASLI

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

11. 10. 2013

Tarikh

Tandatangan Penyelia





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

UPS/IPS-3/BO 31

Pind.: 00 m/s: 1/1

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

PEMBANGUNAN MODUL ICTL BERASASKAN PENDEKATAN
PENGAJARAN LANGSUNG DAN TEORI KONSTRUKTIVISME
UNTUK PELAJAR ORANG ASLI

No. Matrik / Matric's No.:

M20092001252

Saya / I:

NURUL NISHA BINTI MUHAMMAD

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that my Thesis/Dissertation/Project Paper is kept at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library is not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*



TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

DR. NOR HASBIAH BINTI UBAIDULLAH

Pensyarah

Jabatan Komputeran

Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35300 Tanjung Malim, Perak

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Supervisor Signature
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 11-10-2013

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

Dilampirkan bersama di dalam Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (jilid keras), selepas lampiran Pengakuan





PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan berkat dan perkenan-Nya, akhirnya kajian ini dapat disiapkan dengan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Dr. Nor Hasbiah Bt Ubaidullah selaku penyelia utama bagi kajian ini dan juga Pn Jamilah Bt Hamid yang banyak memberi tunjuk ajar dan panduan dalam membangunkan modul ICTL dan juga penulisan disertasi.

Jutaan terima kasih juga buat ayahanda Muhammad B Isa, bonda Norma Bt Samat dan nenda Che Urai Bt Che Seman tercinta yang sentiasa mengiringi perjalanan hidup anakanda dengan doa-doa kalian yang tidak pernah putus dan kata-kata semangat sepanjang bergelar pelajar. Tidak lupa buat adik-adik yang dikasihi Nadia, Ain dan yang lain atas semangat yang diberikan. Sokongan moral, emosi dan material dari kalian amat bermakna dalam hidup ini. Hanya Allah yang mampu membalas segala pengorbanan kalian. Ini juga merupakan hadiah teristimewa anakanda buat kalian.

Ucapan terima kasih juga buat sahabat dan kawan-kawan yang dikasihi di atas segala bantuan, kritikan membina dan sumbangan idea yang bernas di sepanjang pelaksanaan kajian ini. Kerjasama daripada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Perak, Pengetua, guru-guru serta pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini amatlah dihargai.



Alhamdulillah, berkat doa dan sokongan dari kalian semua, maka kajian ini dapat disempurnakan.





ABSTRAK

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan program *Information and Communication Technology Literacy (ICTL) for Secondary School* dalam usaha melengkapkan pelajar dengan kemahiran asas teknologi maklumat dan komunikasi. Namun perkara ini masih asing bagi pelajar di luar bandar terutamanya masyarakat orang Asli. Mereka masih jauh ketinggalan dari segi teknologi ICT. Justeru, kajian ini bertujuan untuk membangunkan modul ICTL berasaskan pendekatan pengajaran langsung dan teori konstruktivisme untuk digunakan oleh guru yang mengajar pelajar orang Asli tingkatan satu dan menilai kepenggunaan modul tersebut berdasarkan atribut kemudahan dan sikap pelajar. Model ADDIE digunakan sebagai asas kepada pembangunan modul. Manakala kaedah pemerhatian, temubual dan penilaian hasil kerja pelajar digunakan semasa penilaian kepenggunaan modul dijalankan. Sampel kajian terdiri daripada lima pelajar orang Asli Tingkatan Satu dari sebuah sekolah menengah di daerah Batang Padang. Dapatan kajian menunjukkan skor markah yang diperolehi pelajar adalah tinggi bagi sub modul 2 dan mencapai keseluruhan objektif pembelajaran bagi sub modul 2. Manakala penilaian sikap pelajar adalah melalui ekspresi yang ditunjukkan oleh pelajar dan didapati pelajar menunjukkan minat yang tinggi untuk turut serta dalam aktiviti yang dijalankan terutamanya semasa menggunakan sub modul 2. Ekspresi positif yang ditunjukkan menjadi penanda aras terhadap tahap penerimaan pelajar kepada modul ICTL ini. Hasil dari kajian mendapati hasil penggunaan modul ICTL ini dapat membantu menarik minat pelajar mengikuti pelajaran. Selain itu, strategi dan pendekatan yang digunakan dalam pembelajaran dapat mempengaruhi dan menarik minat pelajar untuk mengikutinya walaupun setiap pelajar mempunyai keupayaan yang berbeza. Pembangunan modul ini juga dapat membantu dan memandu arah kepada guru dalam merangka pembelajaran yang dapat mencapai objektif dalam masa yang singkat. Kajian berkaitan pembelajaran orang Asli perlu diluaskan dalam semua bidang agar mereka tidak tersisih dalam masyarakat.





DEVELOPMENT OF ICTL MODULE BASED ON DIRECT TEACHING APPROACH AND THE CONSTRUCTIVIST THEORY FOR FORM ONE ABORIGINAL STUDENTS

ABSTRACT

Ministry of Education Malaysia (MOE) had introduced Information and Communication Technology Literacy (ICTL) for Secondary School programme in their effort to equip the students with basic skills in information and communication technology. However, this was still new to rural students, particularly the Aboriginal community. They were still far behind in terms of ICT technology. Thus, this study aimed to develop an Information and Communication Technology Literacy (ICTL) module based on direct teaching approach and the constructivist theory to be used by the teachers who taught Form One Aboriginal students, as well as to evaluate the usability of the module based on the user-friendly attributes and students' attitude. ADDIE model was used as the basis for this module. Observation, interview and assessment of the students' work were among the methods used while assessing the usability of the module. The samples of this study consisted of five Aboriginal Form One students from a secondary school in the district of Batang Padang. The findings of the study showed that the students had obtained high scores for sub module 2 and achieved the overall learning objectives for the respective sub module. Meanwhile, based on the expression of attitude shown by the students, it was found that they showed strong interest to participate in the activities conducted throughout the lesson, particularly when the sub module 2 was used. Positive expression shown became the benchmark for the level of students' acceptance towards this ICTL module. The findings of this study showed that the use of ICTL module had attracted the students to engage in their learning. Besides that, strategies and approaches used in the learning could influence and attract the students to follow it even though each student had different capabilities. The development of this module could also help and guide the teachers in developing learning objectives which could be achieved in a short time. Aboriginal learning-related studies should be extended in all fields so that they were not being marginalized in the community.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Analisis Awal	5
1.4	Pernyataan Masalah	7
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Objektif Kajian	11
1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Batasan Kajian	12
1.9	Kerangka Konsepsi	14
1.10	Definisi	17
1.11	Kesimpulan	19

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	20
2.2	Pembelajaran Literasi Komputer	21
2.3	Masalah Keciciran Pelajar Orang Asli Dalam Pendidikan	24
2.4	Budaya Dan Sikap Orang Asli Terhadap	26



Pendidikan Dan Teknologi

2.5	Penggunaan Modul Dalam Membantu Proses Pembelajaran	29
2.6	Teori Pembelajaran	32
2.6.1	Teori Konstruktivisme	32
2.6.2	Implikasi Teori Konstruktivisme Terhadap Kajian Yang Dijalankan	36
2.7	Strategi Dan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Sesuai Dengan Pembangunan Modul Pembelajaran	36
2.7.1	Strategi Pengajaran Langsung (<i>Direct Instruction</i>)	39
2.7.2	Kaedah Pengajaran	45
2.7.3	Implikasi Strategi Dan Kaedah Pengajaran Terhadap Kajian Ini	48
2.8	Model Reka Bentuk Instruksional	48
2.8.1	Model ADDIE	49
2.8.2	Implikasi Model ADDIE Terhadap Kajian Dijalankan	52
2.9	Kesimpulan	53

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	54
3.2	Reka Bentuk Kajian	55
3.2.1	Penilaian Kepenggunaan	55
3.2.1.1	Ujian Rintis	56
3.2.1.2	Ujian Kepenggunaan	57
3.3	Kaedah Kajian	62
3.3.1	Pemerhatian	62
3.3.2	Temu Bual	66

3.4	Persampelan Kajian	67
3.5	Instrumen Kajian	68
3.5.1	Borang Pemerhatian	68
3.5.2	Borang Temu Bual	69
3.5.3	Hasil Kerja Pelajar	70
3.5.4	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Kajian	70
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	72
3.6.1	Pengumpulan Data (Sebelum Fasa Pembangunan)	72
3.6.2	Pengumpulan Data (Selepas Fasa Pembangunan)	73
3.7	Metod Menganalisis Dan Interpretasi Data	73
3.8	Kesimpulan	74

BAB 4 PEMBANGUNAN

4.1	Pengenalan	75
4.2	Model Reka bentuk Instruksional	76
4.3	Pengaplikasian Fasa Dalam Model ADDIE	78
4.3.1	Analisis	78
4.3.2	Reka bentuk	81
4.3.3	Pembangunan	83
4.3.4	Pelaksanaan	87
4.3.5	Penilaian	88
4.4	Kesimpulan	89

BAB 5 DAPATAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	90
5.2	Dapatan Analisis Awal	91
5.3	Dapatan Pengujian Kepenggunaan Modul	101



5.3.1	Dapatan Pengujian Kepenggunaan: Kemudahgunaan (<i>Ease Of Use</i>)	102
5.3.2	Dapatan Pengujian Kepenggunaan: Sikap Pelajar	108
5.4	Kesimpulan	110

BAB 6 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	112
6.2	Perbincangan Dapatan Kajian	113
6.2.1	Dapatan Kajian: Pembangunan Modul ICTL Untuk Mengajar Pelajar Orang Asli Tingkatan Satu	113
6.2.1.1	Masalah Utama Dalam Pembelajaran Subjek Literasi ICT Dalam Kalangan Pelajar Orang Asli	114
6.2.1.2	Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Bersesuaian Untuk Pelajar Orang Asli Terhadap Subjek Literasi ICT Di Sekolah	115
6.2.1.3	Membangunkan Prototaip Modul Bagi Satu Bidang Pembelajaran Dalam Silibus ICTL Berdasarkan Strategi Pembelajaran Yang Bersesuaian Dengan Pelajar Orang Asli	118
6.2.2	Dapatan Kajian: Kajian Kepenggunaan	119
6.2.2.1	Konstruk Kemudahgunaan (<i>Ease Of Use</i>)	119





6.2.2.2	Konstruk Sikap Pelajar	120
6.3	Implikasi Dapatan Kajian	121
6.3.1	Implikasi Modul Terhadap Pelajar	121
6.3.2	Implikasi Modul Terhadap Guru	122
6.4	Cadangan Kajian Lanjutan	122
6.5	Kesimpulan	124
RUJUKAN		125
LAMPIRAN		132



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Strategi Digunakan Semasa Pengujian Kepenggunaan	59
3.2	Panduan Untuk Menjalankan Pengujian	60
3.3	Langkah-Langkah Menjalankan Pemerhatian	63
5.1	Masalah Dihadapi Pelajar Orang Asli – Temu Bual Dengan Guru	91
5.2	Kemahiran Pelajar Membaca	95
5.3	Pendekatan Dan Strategi Yang Sesuai Digunakan Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran	97
5.4	Pendapat Terhadap Modul Sedia Ada	99
5.5	Rasional Pembangunan Modul Baru	100
5.6	Skor Pelajar Terhadap Sub Modul 1	103
5.7	Skor Pelajar Terhadap Sub Modul 2	106
5.8	Ekspresi Pelajar Semasa Ujian Kepenggunaan Terhadap Sub Modul 1	109
5.9	Ekspresi Pelajar Semasa Ujian Kepenggunaan Terhadap Sub Modul 2	110

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Kerangka Konsepsi	16
4.1	Adaptasi Model ADDIE (International Data Corporation, 2001)	77
4.2	Rancangan Pengajaran	83
4.3	Kandungan Pengajaran	84
4.4	Antaramuka Strategi Pengajaran ICTL Yang Dibangunkan	85
4.5a	Salinan Dokumen Aktiviti Bimbingan	86
4.5b	Salinan Dokumen Aktiviti Kendiri	86
5.1	Hasil Kerja Pelajar Terhadap Sub Modul 1	102
5.2	Hasil Kerja Pelajar Terhadap Sub Modul 2	104

SENARAI SINGKATAN

ICT	<i>Information, Communication & Technology</i> (Maklumat, Komunikasi & Teknologi)
ICTL	<i>Information & Communication Technology Literation</i> (Literasi Maklumat, Komunikasi & Teknologi)
KAP	Kurikulum Orang Asli Dan Penan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
P&P	Pengajaran Dan Pembelajaran

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
A	Surat Kelulusan Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan	132
B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Jabatan Pelajaran Perak	133
C	Soalan Temu Bual Pelajar Mengambil ICTL	134
D	Soalan Temu Bual Guru ICTL	136
E	Pemerhatian Terhadap Pelajar Orang Asli Semasa Pembelajaran	140
F	Rancangan Pengajaran Sub Modul 1	141
G	Rancangan Pengajaran Sub Modul 2	151
H	Pemerhatian Ekspresi Pelajar	164
I	Soalan Temu Bual Guru ICTL – Penilaian (Pendapat Dan Cadangan)	165



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Orang Asli merupakan kaum minoriti di Semenanjung Malaysia. Antara negeri yang mempunyai bilangan orang Asli teramai adalah Pahang, Perak, Selangor dan diikuti negeri-negeri lain. Pahang mempunyai penduduk orang Asli paling ramai iaitu 50,792 orang, diikuti Perak, 40,856 orang dan Selangor, seramai 15,210 orang (Melati, 2009). Ahli antropologi mendapati terdapat lebih kurang 18 sub-etnik orang Asli di Malaysia dan dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu Negrito, Senoi dan Proto-Malay. Mengikut perangkaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia (JHEOA), setakat ini (2009) terdapat 141,230 orang Asli di Semenanjung Malaysia (Melati, 2009). Setiap etnik orang Asli mempunyai perbezaan dari segi budaya, bahasa dan juga





kepercayaan. Sikap kerjasama dan kehidupan berpuak yang diketuai oleh batin dalam aspek organisasi dan struktur sosial masih diamalkan dalam masyarakat orang Asli.

Bagi membolehkan orang Asli menikmati taraf hidup yang sama dengan kaum lain dan tidak tercicir dari arus pembangunan, kerajaan Malaysia telah menyediakan pelbagai kemudahan kepada mereka, antaranya ialah bidang pendidikan yang merupakan agenda utama dalam pembangunan negara. Pelbagai usaha dilakukan untuk menggalakkan orang Asli hadir ke sekolah. Menurut Dr Hasan Mat Noor, Pensyarah Jabatan Antropologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, tahap keyakinan diri yang rendah dan kesukaran menyesuaikan diri dengan persekitaran membuatkan pelajar orang Asli ketinggalan dalam pelajaran (Basir Zahrom, 2009).



Dalam bidang pendidikan di Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan program *Information and Communication Technology Literacy (ICTL) for Secondary School* dalam usaha melengkapkan pelajar dengan kemahiran asas teknologi maklumat dan komunikasi. Menurut Pengarah Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (2007), program ini merupakan langkah permulaan ke arah menyediakan tenaga kerja teknologi maklumat dan komunikasi pada masa akan datang di samping dapat membantu kerajaan dalam usaha mengurangkan jurang digital dalam kalangan pelajar luar bandar dan bandar. Namun perkara ini masih asing bagi pelajar di luar bandar terutamanya masyarakat orang Asli. Mereka masih jauh ketinggalan dari segi teknologi ICT. Walaupun mereka sama-sama mengikuti kelas ICTL bersama pelajar kaum lain, masih ramai yang tidak mampu mengikuti pelajaran dalam kelas tersebut kerana sikap mereka yang pasif





seperti malu bertanya dan takut mencuba. Terdapat perbezaan antara pelajar orang Asli dengan kaum lain dalam pembelajaran ICTL.

Bagi mengatasi masalah ini, satu kajian berkenaan sikap pelajar orang Asli dalam aktiviti pembelajaran ICTL, masalah yang timbul dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) ICTL dan pemilihan strategi P&P yang bersesuaian serta memenuhi sikap mereka dalam aktiviti pembelajaran akan dilakukan. Ini kerana strategi P&P memainkan peranan penting dalam menghasilkan pembelajaran yang lebih berkesan. Menurut Mok (2002), strategi pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada penentuan dan perancangan kaedah serta teknik mengajar untuk mencapai objektif jangka panjang dalam sesuatu pendekatan dengan berkesan. Ia merujuk kepada satu rancangan yang berkesan dalam menentukan pendekatan serta memilih



dan menyusun kaedah dan teknik mengajar secara logikal dan sistematik untuk mencapai objektif pelajaran secara optimum. Kajian ini dilakukan di sekolah yang mempunyai pelajar orang Asli dengan menemu bual dan memerhati perlakuan atau sikap mereka, menemu bual guru yang mengajar pelajar orang Asli berkenaan strategi P&P yang digunakan dan mengenalpasti masalah pembelajaran yang dihadapi terutamanya literasi ICT serta faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran mereka. Hasil daripada kajian ini, penyelidik akan membangunkan satu prototaip modul ICTL khususnya satu topik dalam silabus ICTL. Dengan wujudnya satu prototaip modul ICTL ini, prestasi pelajar orang Asli dalam subjek ICTL dapat dinilai dan ditingkatkan agar mereka mempunyai peluang yang sama dengan pelajar lain dalam arus teknologi. Penilaian terhadap kepenggunaan modul ICTL ini dilakukan berdasarkan konstruk kemudahangunaan dan sikap pelajar.





1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut sumber yang diperolehi dari laman web UNICEF Malaysia, orang Asli telah hidup dalam komuniti yang terasing daripada dunia luar dan ini menjadikan mereka kurang mendapat perkhidmatan pendidikan dan juga penjagaan kesihatan. Ditambah pula kedudukan geografi yang terletak jauh di pedalaman, mengukuhkan lagi pemikiran kebanyakan masyarakat orang Asli tentang ketidakpentingan menghantar anak-anak mereka ke sekolah (Nettleton, 2007).

Dalam bidang pendidikan, JHEOA bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk meningkatkan pencapaian akademik murid orang Asli di peringkat sekolah rendah dan menengah. Memandangkan peratus keciciran dalam kalangan anak orang Asli agak tinggi khususnya di peringkat sekolah menengah iaitu lebih kurang 35 peratus, JHEOA bercadang mengadakan lebih banyak sekolah K-9 (sekolah komprehensif) di kampung orang Asli. Sekolah K-9 menawarkan pendidikan daripada darjah satu hingga tingkatan tiga (Melati, 2009).

Sehubungan dengan perkara di atas, penggubalan pedagogi pribumi didapati selari dengan Teras ke-4 Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) iaitu merapatkan jurang pendidikan di antara sekolah bandar dengan luar bandar. Hal ini juga termasuk untuk merapatkan jurang antara yang miskin dengan yang kaya, jurang digital dan antara mereka yang berkeperluan khas, agar tidak ada sebarang golongan yang tercicir dari arus pembangunan negara selaras dengan dasar pendemokrasian pendidikan di negara ini. Sehubungan itu, Kurikulum Orang Asli dan Penan (KAP) digubal dengan mengambil kira beberapa masalah yang wujud. Antaranya adalah





motivasi pelajar yang rendah untuk ke sekolah kerana aktiviti persekitaran yang lebih menarik minat mereka, dan kurikulum serta kaedah pengajaran dan pembelajaran kurang mengambil kira keperluan khusus murid Orang Asli dan Penan. Selain itu kaedah pengajaran pembelajaran KAP menekankan pengajaran pembelajaran berpusatkan murid. Guru digalakkan menggunakan pelbagai strategi seperti pembelajaran menyeronokkan, pembelajaran masteri, pembelajaran akses sendiri, belajar cara belajar, pedagogi pribumi dan kaedah multigred.

1.3 Analisis Awal

Analisis awal dilakukan dengan menemubual guru yang mengajar subjek ICTL secara bersemuka dan melalui telefon. Tiga orang guru dipilih daripada tiga buah sekolah menengah dalam daerah Batang Padang. Temu bual bersama pelajar dan juga pemerhatian tidak turut serta pula dilakukan terhadap pelajar orang Asli Tingkatan Satu. Analisis awal dilakukan bagi mendapatkan gambaran awal permasalahan yang wujud dalam proses pengajaran subjek ICTL dalam kalangan guru. Secara keseluruhan, guru-guru menyatakan prestasi pelajar orang Asli jauh berbeza berbanding pelajar kaum lain. Mereka ada menunjukkan minat untuk mempelajari subjek ICTL namun disebabkan kurang keyakinan diri, mereka hanya berdiam diri dan sekadar memerhati aktiviti yang dilakukan oleh pelajar kaum lain.

Tambahan pula, pelajar orang Asli menghadapi masalah untuk memahami sesetengah terma atau perkataan yang tidak biasa mereka dengar. Mereka memerlukan bantuan rakan untuk menterjemah apa yang disampaikan oleh guru. Mereka juga





didapati berminat melakukan aktiviti yang berkait rapat dengan diri mereka. Sebagai contoh, dalam mempelajari aplikasi *Microsoft Office Word*, guru akan menyuruh mereka membuat maklumat diri mereka dan mencetak dalam bentuk kad. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga guru yang ditemu bual menyatakan mereka mengubahsuai modul atau menggunakan cara mereka sendiri bagi menarik minat pelajar untuk mempelajari subjek ICTL. Namun mereka masih mengikut silabus yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Mereka berpendapat modul yang dibekalkan kementerian sukar difahami oleh pelajar dan kadangkala tidak mencapai objektif pembelajaran. Jadi guru-guru mengambil inisiatif mereka sendiri bagi menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan dan menarik minat pelajar.

Temu bual yang dijalankan terhadap guru memfokus kepada aspek:

- i. Masalah dihadapi pelajar orang Asli dalam pembelajaran.
- ii. Pendekatan dan strategi yang sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- iii. Pendapat guru terhadap modul sedia ada.
- iv. Rasional pembangunan modul baru.

Dapatan daripada analisis awal diperincikan dalam Bab Lima memandangkan ia memberi makna terhadap kajian ini.



1.4 Pernyataan Masalah

Basir Zahrom (2008) menyatakan mengikut Lapuran Jawatankuasa di atas kajian Pendapat Mengenai Pelajaran dan Masyarakat (Lapuran Keciciran) pada tahun 1973, kajian ini mendapati bahawa ramai murid miskin di luar bandar yang tercicir berbanding dengan rakan-rakan mereka di bandar. Kadar keciciran yang paling tinggi ialah di peringkat peralihan persekolahan iaitu dari sekolah rendah ke menengah rendah (Tingkatan 1 hingga 3). Seterusnya Laporan Kes Mengenai Keciciran di sekolah menengah oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan mendapati bahawa semua pelajar yang tercicir datang daripada keluarga berpendapatan rendah atau sederhana dan tinggal di kawasan yang persekitarannya tidak menggalakkan untuk pembelajaran.



Isu keciciran dalam kalangan orang Asli amnya, dan dalam kursus ICTL juga berkait dengan kajian di atas. Walaupun agak sukar untuk menentukan punca sebenar yang menyebabkan berlakunya keciciran, Suppiah, Kamarulzaman, Abd. Aziz, Ramlah, Roslinda dan Hazalizah (2009) telah mengenalpasti empat faktor yang saling berkait iaitu pelajar sendiri, keluarga, persekitaran dan sekolah. Johari dan Nazri (2006) pula mendapati punca kegagalan pelajar orang Asli di sekolah adalah satu proses yang bermula dari rumah dan selepas itu barulah melibatkan agen-agen sosialisasi yang lain seperti sekolah, rakan sebaya, budaya dan sikap dan masalah ekonomi keluarga.

Memandangkan penggunaan teknologi dalam pendidikan menjadi trend terkini, isu yang menjadi persoalan adalah bagaimana pelajar orang Asli di sekolah-





sekolah menghadapi situasi ini? Mampukah mereka untuk bersaing dengan pelajar kaum lain yang sudah biasa dengan teknologi? Walaupun pelajar orang Asli menghadapi pelbagai masalah dari segi kekurangan kemudahan teknologi, namun pelajar ini juga berhak mendapat hak dan peluang dalam pendidikan dengan sewajarnya. Menurut Cheah, Linda, Salmiah dan Siti Hajar (2010) dalam konteks pendidikan orang Asli, Seksyen 17 Akta 134 dalam Perlembagaan Malaysia menjelaskan perincian hak-hak keistimewaan peruntukan pendidikan untuk anak-anak orang Asli dalam menerima pelajaran seperti kaum-kaum lain di Malaysia. Akta ini secara jelas menunjukkan hak-hak pendidikan anak-anak orang Asli tidak boleh dipinggirkan. Mereka berhak mendapat peluang yang sama dari segi pendidikan amnya dan kemahiran dalam teknologi secara khusus.



Kementerian Pelajaran Malaysia. Berdasarkan temu bual awal, guru-guru di beberapa buah sekolah yang mengajar subjek ICTL menyatakan prestasi pelajar orang Asli dalam subjek ICTL masih ketinggalan dan wujud beberapa masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Didapati pelajar orang Asli menghadapi kesukaran dalam memahami isi pelajaran. Ditambah pula sifat semula jadi orang Asli yang pemalu, pendiam, sangat pasif dan merendah diri. Guru-guru mendapati pelajar orang Asli lebih senang bergaul sesama mereka dan senang berkomunikasi menggunakan bahasa mereka. Walaupun terdapat pelajar orang Asli yang bergaul dengan pelajar kaum lain, namun hanya segelintir daripada mereka sahaja yang berbuat demikian. Secara tidak langsung proses pembelajaran mereka dipengaruhi cara pergaulan mereka. Jika wujud masalah dalam pembelajaran, mereka lebih senang bertanya sesama sendiri.





Oleh itu, peranan guru amat diperlukan bagi menjadikan pelajaran yang diberi lebih berkesan. Guru yang perlu mendekati mereka secara individu dan menanyakan masalah yang dihadapi dalam memahami isi pelajaran. Strategi pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan golongan pelajar amat penting bagi meningkatkan keupayaan dan penguasaan prestasi akademik pelajar (Suhaimi, 2007). Selain itu, menurut Suhaimi (2007) keupayaan guru menggunakan strategi dan kaedah pedagogi yang sesuai menjadi pemangkin kepada perubahan sikap dan minat pelajar kepada sesuatu mata pelajaran.

Dalam pengajaran subjek ICTL berdasarkan modul yang dibekalkan KPM, strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sama digunakan untuk semua pelajar. Berdasarkan temu bual awal dengan guru, didapati strategi dan kaedah yang digunakan tidak dapat menarik minat pelajar-pelajar orang Asli. Mereka tidak dapat menerima isi pelajaran berikutan kandungan pelajaran yang tidak setaraf dengan pemikiran mereka yang mana kandungan pengajaran itu sesuai untuk pelajar yang berprestasi tinggi. Selain itu, didapati pelajar menjadi hilang tumpuan kerana mereka tidak dapat mengaitkan kandungan pengajaran dengan kehidupan mereka.

Berdasarkan analisis awal yang dijalankan terhadap sasaran kajian, serta kajian analisis awal terhadap guru yang mengajar subjek ICTL terhadap pelajar berkenaan, satu modul ICTL khusus untuk pelajar orang Asli perlu dibangunkan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh sasaran kajian. Secara khusus, penyelidikan yang dijalankan ini adalah untuk membangunkan modul ICTL bagi memotivasikan literasi komputer untuk pelajar orang Asli yang dikaji di dalam konteks keperluan pembelajaran di Malaysia, berpanduan satu model reka bentuk berarahan (ID model)





dan strategi pengajaran yang sesuai untuk pelajar orang Asli. Teori dan strategi berasaskan pembelajaran akan diterapkan dalam reka bentuk dan pembangunan modul ICTL untuk menjawab persoalan kajian yang dibina. Ini dapat dilihat melalui kerangka konsepsi dalam Rajah 1.

1.5 Persoalan Kajian

Perkara yang membawa kepada wujudnya kajian ini didasari oleh beberapa permasalahan yang timbul dan persoalan yang dibangkitkan iaitu:

- 1) Apakah masalah utama dalam pembelajaran subjek literasi ICT dalam kalangan pelajar orang Asli?
- 2) Apakah strategi pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian untuk pelajar orang Asli?
- 3) Apakah contoh modul literasi ICT yang sesuai berdasarkan strategi pembelajaran terhadap pelajar orang Asli?
- 4) Adakah prototaip modul literasi ICT yang dibangunkan memenuhi aspek kepenggunaan melalui konstruk kemudahangunaan (*ease of use*)?
- 5) Adakah prototaip modul literasi ICT yang dibangunkan memenuhi aspek kepenggunaan melalui konstruk sikap pelajar?



1.6 Objektif Kajian

Beberapa tujuan dikenalpasti dalam pelaksanaan kajian ini iaitu:

- 1) Mengenalpasti masalah utama dalam pembelajaran subjek literasi ICT dalam kalangan pelajar orang Asli.
- 2) Mengenalpasti strategi pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian untuk pelajar orang Asli terhadap subjek literasi ICT di sekolah.
- 3) Membangunkan prototaip modul ICTL bagi satu bidang pembelajaran dalam silabus ICTL berdasarkan strategi pembelajaran yang bersesuaian dengan pelajar orang Asli.
- 4) Menilai aspek kepenggunaan prototaip modul ICTL yang dibangunkan terhadap pelajar orang Asli melalui konstruk kemudahan (*ease of use*).
- 5) Menilai aspek kepenggunaan prototaip modul ICTL yang dibangunkan terhadap pelajar orang Asli melalui konstruk sikap pelajar.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat perlu dilakukan bagi mengenalpasti dan mengatasi masalah pembelajaran pelajar orang Asli dalam subjek ICTL. Melalui kajian ini, penyelidik dapat membongkar permasalahan yang wujud dalam kalangan pelajar orang Asli terhadap pembelajaran subjek ICTL. Selain itu, penyelidik juga dapat mengetahui pendekatan atau strategi pengajaran yang digunakan oleh guru yang berpengalaman bagi menarik minat pelajar orang Asli terhadap subjek ICTL. Melalui kajian ini, penyelidik dapat mendokumenkan dan menghasilkan satu prototaip modul bagi satu



bidang pembelajaran dalam silabus ICTL yang boleh dijadikan panduan oleh guru-guru baru dan yang tiada pengalaman mengajar ICTL terhadap pelajar orang Asli.

Melalui penyelidikan ini juga, dapat membuka mata dan memberi peluang kepada ramai penyelidik untuk melakukan lebih banyak penyelidikan berkaitan pendidikan orang Asli. Dengan adanya modul ICTL khusus untuk pelajar orang Asli ini juga, dapat meningkatkan keyakinan pelajar untuk turut serta dan bergerak seiring dengan pelajar lain dalam bidang teknologi. Hal ini sekaligus dapat meningkatkan prestasi pelajar orang Asli dan merapatkan jurang pendidikan antara mereka dengan bangsa lain.



Pembangunan prototaip modul bagi satu bidang pembelajaran dalam silabus ICTL yang baru ini diharap dapat menambahbaik mutu pengajaran dan pembelajaran kepada guru dan juga pelajar. Namun kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa batasan dan kekangan yang telah dikenalpasti.

Memandangkan kajian ini memfokuskan pelajar orang Asli di sekolah sekitar daerah Batang Padang sahaja, segala aspek atau ciri-ciri sikap yang mewakili pelajar orang Asli hanya merujuk kepada pelajar orang Asli di sekitar daerah tersebut sahaja dan tidak mewakili ciri-ciri sikap orang Asli secara keseluruhan yang mana terdiri daripada pelbagai suku dan negeri serta persekitaran yang mempengaruhi kehidupan mereka. Selain itu, kajian ini hanya fokus kepada pelajar orang Asli Tingkatan Satu





sahaja dan tidak secara menyeluruh. Hanya pelajar Tingkatan Satu yang dipilih memandangkan program ICTL yang telah diperkenalkan KPM bermula dari Tingkatan Satu. Pemilihan pelajar Tingkatan Satu juga berdasarkan rasional bahawa pembangunan modul mata pelajaran ICTL ini sesuai dimulakan pada peringkat awal pembelajaran.

Proses membangunkan sebuah modul ICTL yang efektif dan berkesan memerlukan analisis yang teliti dan menyeluruh dari segala aspek iaitu dari sudut pemikiran guru dan pelajar, budaya pembelajaran dan juga keuntungannya kepada kedua-dua pihak iaitu guru dan pelajar. Analisis yang dilakukan secara menyeluruh memerlukan jangka waktu yang lebih lama agar hasil yang diperolehi mencapai objektif penghasilan sesebuah modul.



Selain itu, cara penyampaian guru dalam proses menyalurkan maklumat kepada pelajar juga mempengaruhi keberkesanan sesuatu pengajaran. Cara penyampaian yang bersahaja dan penggunaan atau penyusunan ayat yang ringkas dan mudah difahami pelajar akan menggalakkan pelajar untuk terus memberi tumpuan di dalam kelas. Penyediaan modul hanya bertindak sebagai pemudahcara dan panduan kepada guru agar proses pengajaran lebih terarah. Modul yang dibangunkan hanya memfokus kepada topik edit dokumen dalam bab perisian pemprosesan perkataan seperti yang terdapat dalam silabus *ICT Literacy for Secondary School Guideline* (KPM, 2007).





1.9 Kerangka Konsepsi

Kerangka konsepsi mengembangkan kaitan penting antara teori dan realiti dengan cara menterjemahkan hubung kait tersebut dalam istilah-istilah operasi (Mildred & Shuki, 2007). Pembangunan modul literasi ICT (ICTL) ini berasaskan beberapa prinsip dalam teori pengajaran dan pembelajaran konstruktivisme dan pemilihan strategi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan afektif atau sikap pelajar orang Asli itu sendiri. Perkara utama yang mendorong pembangunan modul baru ini adalah berdasarkan masalah yang wujud dalam kalangan pelajar orang Asli apabila mengikuti kelas ICTL. Dalam kajian ini, modul ICTL bertindak sebagai pemboleh ubah tidak bersandar. Manakala pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah konstruk kepenggunaan iaitu kemudahgunaan dan sikap pelajar. Pemboleh ubah lain yang turut digunakan adalah strategi pengajaran dan pembelajaran secara langsung dan juga kaedah pengajaran secara tunjuk cara serta kaedah secara projek atau aktiviti.

Hasil daripada kajian lepas mendapati afektif atau sikap pelajar itu sendiri yang menjadi faktor penggerak terhadap keberhasilan dalam sesuatu proses pembelajaran. Menurut Rallison (1941) dalam Azizi, Jamaluddin dan Yusof (1999), faktor sikap dan minat saling mempengaruhi pencapaian pelajar. Menurut Kamus Dewan edisi ke-Empat, afektif membawa maksud berkaitan dengan perasaan dan emosi. Manakala sikap pula bersinonim dengan gaya yang membawa maksud lagak, gerak geri, rupa, tingkah laku, perangai, takah dan aksi. Berdasarkan kajian awal yang dilakukan, didapati pembawaan, sikap atau tingkah laku pelajar orang Asli yang pasif, takut, malu bertanya dan rendah diri semasa mengikuti pembelajaran sangat






mempengaruhi pencapaian mereka dalam pelajaran yang mana merupakan salah satu punca kegagalan mereka dalam pendidikan.

Menurut Johari dan Nazri (2006) penyelidikan berkaitan dengan kegagalan kanak-kanak di sekolah rendah dan murid-murid di sekolah menengah pada dasarnya adalah berkaitan dengan teori-teori pencapaian akademik yang sama iaitu teori *proximal home development* dan teori ekologi sosial budaya. Gottfried dan Gottfried (1994) dan Gottfried dan Gottfried (1995) dalam Johari dan Nazri (2006) menyatakan teori *proximal home background* memberi penekanan bahawa aspek-aspek penting berkaitan dengan persekitaran kanak-kanak seperti kognitif, sosio-emosi, rangsangan fizikal dalam keluarga boleh memberi kesan kepada perkembangan kanak-kanak dan jika aspek-aspek ini wujud maka terbentuklah situasi *proximal* atau hampir dengan situasi menggalakkan perkembangan kanak-kanak. Pencapaian akademik pelajar juga dipengaruhi persekitaran sesuatu masyarakat tempat keluarga berkembang yang mana dikaitkan dengan teori ekologi budaya (Johari & Nazri, 2006).





Rajah 1. Kerangka Konsepsi.

Teori konstruktivisme digunakan berdasarkan rasional bahawa melalui penggunaan teori ini pelajar dapat belajar dengan baik apabila mereka terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran di samping menyelesaikan masalah. Ini bertepatan dengan pendapat Kong (2006) di mana pembelajaran konstruktivis melibatkan penyertaan aktif pelajar dalam proses pembelajaran. Sebagai contoh, pelajar mungkin perlu menggunakan isyarat atau cadangan dari pengajar untuk membina konsep selain apa yang dibentangkan melalui interaksi rakan sebaya, rujukan, persoalan atau mana-mana mod terarah diri bebas yang lain.



Pemilihan strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai adalah berdasarkan ciri-ciri afektif atau sikap pelajar yang telah dikenalpasti semasa analisis awal dan juga teori pembelajaran yang sesuai. Pemilihan strategi pengajaran yang betul penting agar dapat membina dan mengukuhkan minat pelajar terhadap pembelajaran serta membimbing mereka untuk menerima pembelajaran seterusnya. Manakala kaedah pengajaran pula perlu sesuai dengan perkembangan diri dan kebolehan pelajar supaya suatu pembelajaran itu menarik, berkesan dan bermakna. Memandangkan terdapat pelbagai strategi pembelajaran yang sesuai, strategi pembelajaran langsung (*direct instruction*) dipilih kerana strategi ini sesuai untuk pengajaran berasaskan kemahiran. Strategi ini juga membenarkan sesuatu kemahiran itu diajar secara berfokus (Lasley, Matczynski & Rowley, 2002).



1.10 Definisi

Menurut Che Adan (2008), dalam menjalankan penyelidikan terdapat beberapa perkataan atau frasa ayat yang perlu didefinisikan secara operasi.

Modul

Menurut Capron (1996) dalam Che Adan (2008), modul didefinisikan sebagai satu arahan aturcara yang dirancang langkah demi langkah untuk menukarkan data kepada maklumat yang membolehkan komputer berfungsi. Manakala definisi modul dalam kajian ini adalah satu bahan pengajaran bercetak yang disediakan untuk guru bagi mengajar pelajar orang Asli. Modul ini tidak hanya mengandungi arahan langkah demi langkah menjalankan sesuatu aktiviti, malah rancangan pengajaran turut





disediakan bertujuan agar guru lebih memahami apa yang perlu diajarkan kepada pelajar.

Literasi ICT (ICTL)

Menurut Mohd Noriszuan (2010), literasi ICT menumpukan pembinaan pengetahuan, kemahiran dan kompeten secara asas tentang beberapa perkakasan dan peranti serta perisian untuk membolehkan murid/individu melakukan tugas mudah sesuai dengan keperluan dan tahap kognitifnya. Definisi literasi ICT dalam kajian ini juga sama seperti definisi di atas yang mana dalam kajian ini, ia menekankan kepada pembentukan pengetahuan dan kemahiran pelajar menggunakan aplikasi yang terdapat di dalam komputer.



Menurut Rozinah Jamaludin (2005) dalam kajian Mohd Fadzli dan Fuziyah (2011), reka bentuk pengajaran adalah satu disiplin tentang kefahaman dan pembaikan proses pengajaran secara sistematik bagi memperolehi matlamat pengajaran. Manakala menurut Smith dan Ragan (1993), reka bentuk pengajaran adalah satu proses yang sistematik yang dapat menerangkan prinsip-prinsip pengajaran di mana tujuan diadakan aktiviti reka bentuk pengajaran ialah untuk mengesyorkan kaedah pengajaran yang optimum yang boleh mengubah pengetahuan, kemahiran, dan efektif pelajar (Dick & Reiser, 1989; Reigeluth, 1983; Reigeluth, *et al.* 1978 dalam Mohd Fadzli dan Fuziyah, 2011). Molenda, Reigeluth, dan Nelson, 2003; Yusup Hashim, 2006 dalam Khairuddin (2011) pula menyatakan dalam bidang pendidikan, reka bentuk instruksional boleh didefinisikan sebagai strategi, kaedah yang sistematik dan





teknologi yang digunakan dengan tujuan untuk memudahkan pelajar menguasai objektif yang dikehendaki.

Dalam kajian ini, reka bentuk instruksi menggunakan ketiga-tiga definisi di atas yang mana ia bermaksud strategi dan kaedah pengajaran yang sistematik di samping teknologi yang digunakan dan bertujuan memperolehi matlamat pengajaran yang boleh mengubah pengetahuan, kemahiran, dan efektif pelajar.

1.11 Kesimpulan

Bab ini menyatakan secara terperinci latar belakang kajian, analisis awal, objektif, pernyataan masalah, persoalan dan kepentingan kajian serta kerangka konseptual yang mendukung pembangunan modul ICTL ini. Berdasarkan analisis awal yang diperolehi hasil temu bual dengan guru-guru yang mengajar subjek ICTL membuktikan keperluan dan kepentingan pembangunan modul matapelajaran ini dilaksanakan agar dapat dijadikan panduan terutamanya kepada mereka yang baru bergelar guru dan tiada pengalaman mengajar pelajar orang Asli ini.

